

09/02/1998

Malaysia mahu usaha diplomatik diteruskan

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia meminta supaya usaha diplomatik terus digunakan dalam menyelesaikan pertikaian di antara Amerika Syarikat dan Iraq dalam isu pemeriksaan senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke atas Iraq.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia berpendirian bahawa isu itu mesti diselesaikan menerusi rundingan.

Menurutnya, sejak dari dulu lagi Malaysia menentang sebarang tindakan ketenteraan dan- menganggap penciptaan pelbagai senjata canggih adalah satu pembaziran.

"Pendirian kita adalah ia (krisis AS-Iraq) perlu diselesaikan melalui rundingan.

"Kita menentang sebarang penggunaan senjata dalam usaha untuk menundukkan sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Tabung 'Ehsan Wanita' dan majlis sambutan Kongsi Raya Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai pendirian Malaysia terhadap ancaman Amerika menggunakan kuasa ketenteraan ke atas Iraq jika usaha diplomatik gagal untuk membuatnya membenarkan pemeriksa senjata PBB memasuki semua tapak yang disyaki.

Katanya, Malaysia juga menentang penggunaan senjata pemusnah.

"Malahan pendirian Malaysia ialah sebarang senjata lain termasuk senjata konvensional perlu dimusnahkan. Mereka yang membina senjata dan pesawat canggih hanya membazir wang.

"Wang yang lebih baik digunakan untuk membantu orang miskin... kerana dengan menyerang (sesebuah negara) mereka akan membuatkan orang miskin lebih miskin," katanya.

Beberapa pemimpin dunia lain termasuk dari Perancis serta Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, juga mahu krisis itu diselesaikan secara diplomasi.

(END)